

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 21 BILANGAN 1 RABU 7HB. JANUARI, 1976.

1396 رابو 5 محرم

PERCHUMA

SERUAN D. Y. M. M. BAGINDA SULTAN KAPADA SELUROH RAAYAT:

WASPADA TERHADAP ANASIR2 YANG TIDAK BERTANGGONG - JAWAB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menyeru raayat Baginda supaya berwaspada terhadap pengkhianat2 dan orang2 yang berniat jahat terhadap Negeri Brunei.

Duli Yang Maha Mulia membuat seruan itu dalam titah perutusan Baginda bagi mengalu2kan tahun baru 1976 yang telah di-siarkan melalui Radio dan Talivishen Brunei.

Baginda yakin bahawa raayat dan penduduk negeri ini yang benar2 jujur tentu akan dapat membezakan di-antara yang benar dan yang palsu, dan siapa handai taulan dan siapa pula musuh lawanan.

"Oleh yang demikian beta perchaya segala da'ayah palsu yang di-tujukan kepada kita oleh jiran tetangga dan pengkhianat2 yang telah di-berikan perlindungan oleh jiran tetangga tidak akan di-terima oleh raayat dan penduduk negeri ini yang benar2 jujur dan chintakan keselamatan", tegas Duli Yang Maha Mulia.

Duli Yang Maha Mulia bertitah, segala perchubaan oleh pengkhianat2 itu hendaklah di-tentang dengan habis2an dan apa yang telah menjadi milek kita hendaklah di-per-tahankan dan jangan di-biarkan di-chaboli oleh orang2 yang tidak bertanggung-jawab yang bertujuan jahat dan yang chuba menganiaya masharakat di-Negeri Brunei Darus-salam ini.

Baginda bertitah bahawa Kerajaan Baginda akan meneruskan usaha dalam semua bi-dang bagi memajukan negeri ini dan meminta kerjasama ra-ayat dalam mempertahankan dan memperkokohkan lagi ke-pentingan Negeri Brunei yang terhinta ini.

Akhir-nya Baginda meng-ucapkan terima kasih kepada semua pegawai2 Kerajaan atas usaha dan kerjasama yang me-reka berikan sepanjang tahun 1975.

TERIMA KASEH

Ucapan terima kasih juga Baginda tujukan kepada Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson

Baginda juga menchatetkan terima kasih kepada pegawai2 dan anggota2 pasukan Askar Melayu Diraja Brunei, Polis Diraja Brunei dan juga kepada angkatan bersenjata Paduka Seri Baginda Queen yang telah bersama2 menchurahkan sum-bangan besar pada mempertahankan keselamatan dan ke-amanan negeri ini.

Tuan Yang Terutama Pesu-ruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson da-

★ Lihat Muka 8

Hasil pendapatan makin bertambah


BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei, sa-buah ne-gara yang terkecil di-Asia Tenggara, tetapi beruntung, semakin bertambah makmor dan kaya dan sa-olah2 kemakmoran itu tidak akan putus.

Peruntukan tahunan yang di-bentangkan di-Per-sidangan ke-13 Majlis Meshuarat Negeri, oleh Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee menunjokkan bahawa dalam tahun 1975, Brunei memperolehi hasil pendapatan sa-banyak \$1,291 juta.

Anggaran pendapatan pada awal tahun lalu ia-lah sa-banyak \$1,173 juta dan dalam tahun ini, Brunei di-jangka memperoleh hasil mashul yang menchapai hingga \$1,600 juta. Jika harga minyak naik, pen-dapatan Brunei juga akan naik.

Sa-bagaimana yang di-jelas-kan oleh Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee, dalam ucapan belanjawan-nya, Brunei tidak menghadapi sebarang kerumitan dalam mengimban-gkan peruntukan kewangan-

★ Lihat Muka 8



D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei.

Okestra: Dua pertunjukan akan di-adakan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kumpulan Okestra Seko-lah2 dari Singapura akan mengadakan dua pertunjukan di-sini sa-lama dua hari ber-turut2.

Pertunjukan pertama bagi

orang ramai akan di-adakan di-Dewan Raya pada hari Ju-maat 9hb. Januari mulai jam 7.30 malam. Tiket2 untok men-unton ia-lah \$3.00, \$2.00 dan \$1.00.

Pertunjukan kedua bagi mu-

rid2 sekolah akan di-adakan di-Pusat Belia pada hari Sabtu 10hb. Januari mulai jam 2.30 petang. Tiket2 untok menun-ton ia-lah \$1.00 dan 50 sen.

Tiket2 boleh di-beli dari se-karang dari Jabatan Pelajaran Bahagian Latehan Kesenian atau di-pintu masuk Dewan Raya dan Dewan Pusat Belia sa-belum pertunjukan itu di-mulakan.

Kumpulan yang mengandongi sa-ramai 66 orang di-jadualkan tiba esok dan akan ber-ada di-sini sa-lama tiga hari.

Jabatan Pelajaran Brunei akan menjadi tuan rumah sa-masa kumpulan itu berada di-sini.

BALAI PULIS BERAKAS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mulai 1hb. Januari ini, Ba-lai Polis Lapanganterbang ter-lekat di-hadapan Sekolah In-geris Berakas akan di-kenali sa-bagai Balai Polis Berakas.

Menurut sa-orang jurucha-kap pehak Polis menyatakan bahawa Balai Polis di-Kam-pong Perpindahan akan men-

jadi Pos Polis dan di-namakan Pos Polis Burong Pingai Be-rakas.

Juruchakap itu berkata, per-ubahan2 itu di-buat bagi me-mudahkan orang ramai mela-porkan kejadian2 jenayah atau kemalangan jalanraya yang berlaku di-kawasan Berakas dan kampong2 sekitar-nya.

TITAH PERUTUSAN TAHUN BARU KEBAWAH D.Y.M.M.

BETA bershukor ka-hadharat Allah Subhanahu-Wataala yang senentiasa mengornika kepada kita rahmat-Nya dan membolehkan kita di-negeri Brunei ini menekmati keadaan kemakmoran dan keselamatan sepanjang tahun 1975 yang baru saja tamat. Selawat dan salam beta tujuan kepada junjungan kita Nabi Muhammad Salallahu Alaihiwassalam, sahabat2 dan kerabat2 serta pengikut2 Baginda yang setia lagi jujur. Beta berharap segala kejayaan yang telah kita capai dalam tahun 1975 akan memperkokohkan lagi keselamatan kita untuk berusaha pada menambahkan kemakmoran dan keselamatan di-Negeri Brunei sepanjang tahun 1976 yang akan kita hadapi mulai hari ini.

Beta yakin raayat dan penduduk Negeri Brunei yang benar2 jujur tentu dapat membezakan di-antara yang benar dan yang palsu. Oleh yang demikian beta perchaya segala da'ayah palsu yang di-tujukan kepada kita oleh jiran tetangga dan pengkhianat2 yang telah di-berikan perlindungan oleh jiran tetangga tidak akan di-terima oleh raayat dan penduduk Negeri Brunei yang benar2 jujur dan chintakan keselamatan.

Kejadian2 di-sekiling kita telah menunjukkan kepada kita sejelas2-nya siapa handai taulan dan siapa pula musuh lawanan. Dengan ada-nya kenyataan ini kita hendak-lah berhati2 dan berjaga2 supaya apa yang telah menjadi hak milek kita akan dapat kita nekmati dan di-pertahankan dan kita tidak akan membiarkan hak milek kita ini di-chaboli oleh orang2 yang tidak bertanggung-jawab yang bertujuan jahat dan yang chuba untuk menganiaya masharakat di-Negeri Brunei Darussalam ini. Segala perhubungan oleh orang2 yang khianat yang sengahja memisongkan kebenaran hendak-nyalah muslihat mereka itu di-tentang dengan habis2an. Insha Allah Kerajaan beta akan terus menerus berusaha dalam semua bidang untuk mencapai kemajuan bagi Negeri Brunei Darussalam yang terchinta ini. Dengan sebab itu saperti di-tahun2 yang sudah Kerajaan beta pada tahun ini akan lebeh2 lagi memerlukan usaha2 yang ikhlas lagi jujur daripada raayat dan penduduk Negeri Brunei untuk menjaga dan memper-tahankan serta memperkokohkan kepentingan Negeri Brunei Darussalam.

Di-saat yang berbahagia ini beta ingin menguchapkan terima kasih kepada semua pegawai2 Kerajaan beta di-semua peringkat kerana usaha dan kerjasama yang mereka berikan dalam tahun yang sudah. Uchapan terima kasih beta tujuan kepada Tuan Yang Terutama Pesurohjaya Tinggi British di-Brunei, Awang J.A. Davidson, terima kasih kepada pegawai2 dan anggota Askar Melayu Diraja Brunei dan Polis Diraja Brunei dan juga kepada angkatan bersenjata Paduka Seri Baginda Baginda Queen yang telah bersama2 menchurahkan sumbangan yang besar arti-nya pada mempertahankan keselamatan dan keamanan negeri ini. Kepada semua yang berkenaan dan kepada raayat dan penduduk Negeri Brunei Darussalam, beta sukachita menguchapkan selamat tahun baru 1976.

Penyusunan semula Pasokan Pulis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasokan Pulis Diraja Brunei yang mendapat peruntokan belanjawan sa-banyak \$39 juta tahun ini, akan di-susun semula mulai awal bulan ini.

Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid menengaskan penyusunan semula itu ada-lah bertujuan untuk memberikan perkhidmatan yang lebeh menarek dan berkesan lagi kepada orang awam.

Sabda Yang Amat Mulia, pasokan itu akan terbahagi kepada tiga bahagian, ia-itu Bahagian A yang akan di-perintah oleh Penolong Pesurohjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong; Bahagian B di-bawah perintah Penolong Pesurohjaya Pulis, Dato Tom Swann dan Bahagian D di-bawah perintah Superintendan Kanan, Dato Max Reynolds.

YAM Pengiran Setia Raja menjelaskan bahawa Bahagian A akan mengendalikan kewangan, pentadbiran, kakitangan, disiplin, pengangkutan dan perhubungan.

Bahagian B akan menguruskan dasar asas pulis, pengambilan rekrut dan latihan, yunit simpanan bergerak, keselamatan pelabohan dan lapanganterbang, tugas2 kawalan awam dan separoh tentera, pengawal pengiring dan steshen, gerakan2 dharurat, keselamatan la-

tehan pulis wanita dan lain2 yunit, perbarisan negara dan semua pberiksaan ikhtias pulis.

Bahagian D akan mengendalikan kesalahan2 jenayah dan perkara2 yang bebrhubung dengan-nyl saperti lalu-lintas.

Yang Amat Mulia bersabda: "Bahagian jenayah sedang di-perluaskan lagi dan ada-lah di-harapkan Jabatan Penyiasatan Jenayah akan mempunyai beberapa chawangan lagi".

"Ini temasok-lah sa-buah bahagian perdagangan yang akan mengendalikan jenayah pechah aminah, penipuan dan rasuah, bahagian maksiat yang akan mengendalikan jenayah perjudian, penyalah-gunaan madat dan pelachoran dan bahagian pembunuhan, yang akan menysat jenayah2 pembunuhan dan semua keganasan, termasuk rogol. Bahagian perisik penkegah jenayah dan lalu-lintas uga akan di-adakan."

KENAIKAN PANGKAT

Penyusunan semula itu dilakukan sa-entak dengan perlantikan beberapa orang pegawai kanan pulis yang juga mula di-kutkuasakan mulai 1hb. Januari ini.

Dato Tom Swann, dulu-nya Superintendan Kanan yang memerintah Yunit Latihan Pulis, menjadi Penolong Pesurohjaya Pulis; Supt. Dato Max Reynolds dan Supt. Bob Waggett yang ketika ini menge-tuai Chawangan Khas yang mengendalikan keselamatan pelabohan dan lapanganterbang dan pengawal peribadi Sultan, akan menjadi Superintendan Kanan.

Dato Ben Carvalho dan Chua Kong Leng, menjadi Superintendan, Dato Haji Abu

Zar bin Abu Bakar menjadi Timbalan Superintendan dan Penolong Supt. Lim Phang Kit dari Chawangan Semboyan akan menjadi Timbalan Supt.

Ketua Inspektor Abdul Rahman bin Haji Tudin dan Mohammad Freddi Chong, menjadi Penolong Superintendan.

Sa-lain dari itu, Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah berkenan mengesahkan Penolong Pesurohjaya Pulis YAM Pengiran Putera Negara Pengiran Omar, Supt. Abdul Rahman bin Haji Awang Besar dan Timbalan Supt. Awang Yakub bin Pehin Haji Zainal, dalam jawatan mereka.

PERUNTOKAN

Menyentuh tentang peruntokan baru bagi Polis Diraja tahun ini yang berjumlah sa-banyak \$39 juta berbanding dengan \$16 juta tahun lalu, Pesurohjaya Pulis itu menerangkan bahawa lebeh dari \$21 juta telah pun di-untokan bagi projek2 bangunan dan kelengkapan baru.


Antara projek itu ia-lah bangunan Komplek C di-Ibu Pejabat Polis Gadong yang akan menempatkan C Kompeni Yunit Simpanan yang akan di-tubuhkan tidak lama lagi. Ini bermakna Polis Diraja Brunei akan mempunyai tiga kompeni Yunit Simpanan, ia-itu satu di-Kuala Belait dan dua di-Bandar Seri Begawan, untuk mengawal rusohan dan menjalankan tugas2 dharurat dan kawalan sa-paroh tentera. Pasokan itu juga akan mempunyai tempat tinggal tambahan di-Gadong bagi kakitangan Ibu Pejabat dan Yunit Pengawal pengiring dan Bahagian Pulis Laut pula akan membena sa-buah pengkalan-nya di-Muara.

KELENGKAPAN BARU

Sa-buah Balai Pulis baru juga akan di-bena di-Kampong Ayer dan pos2 pulis di-Kampong Bebuloh, Kasat, Putat, Puni, Perpindahan dan Sukang.

Kelengkapan baru itu, termasuk-lah beberapa buah kapal lagi bagi yunit pulis laut yang baru di-tubuhkan itu, tiga buah kereta perisai dan enam buah kereta perisai pengangkut kakitangan bagi Yunit Simpanan dan dua buah kenderaan pemulahan kemalangan.

Ketika ini hanya terdapat dua Daerah Pulis ia-itu Brunei dan Kuala Belait. Pesurohjaya Pulis itu menerangkan beliau maseh menimbang untuk menjadikan Tutong dan Bangar sa-bagai daerah pulis tersendiri. Kedua2-nya ketika ini ada-lah bahagian Daerah Pulis Brunei.



Gambar bawah menunjukkan Pos Pulis di-Lumut yang telah memulakan perkhidmatan-nya baru2 ini.

Polis Diraja Brunei akan membena lebeh banyak lagi Pos Pulis saperti ini dalam tahun 1976 ini. Antara-nya ia-lah di-Kampong2 Bebuloh, Kasat, Putat, Puni, Perpindahan dan Sukang.

MATA WANG BRUNEI MASEH DALAM KEADAAN STABIL

SAYA berdiri untuk mengusulkan pembacaan kedua Rang Undang2 dalam nama saya, yang di-gelar "Satu Undang2 bagi mengeluarkan sajumlah wang dari Kumpulan Wang Yang Di-Satukan untuk perkhidmatan tahun 1976, dan bagi memperuntukkan jumlah wang tersebut untuk maksud2 tertentu". Dalam mengemukakan usul ini, saya ingin memaalomkan kepada Ahli2 Yang Berhormat tentang perkara2 yang mempunyai kesan2 di-segi kewangan ka-atas Negeri Brunei di-sepanjang tahun 1975; saya juga ingin meninjau kembali kedudukan kewangan negara pada masa ini, dan meramalkan keadaan-nya yang mungkin berlaku nanti pada penghujung tahun 1976.

2. Tahun 1975 ada-lah satu tahun yang di-selubongi oleh keadaan merosot dan juga inflasi yang semakin bertambah burok yang mana telah melanda negeri2 yang maju di-dunia ini. Di-negeri2 yang tertentu kemerosotan ekonomi ini sudah mencapai paras yang paling rendah dan pada masa ini ada terdapat tanda2 yang menunjukkan bahawa pada umum-nya paras ini telah meningkat naik dalam ekonomi negeri2 perusahaan di-dunia. Walau bagaimana pun, sa-lagi negeri2 yang sudah membanguin ini belum lagi mulai bertindak bagi menambah jumlah wang yang di-edarkan sa-lepas mengurangkan-nya ia-itu sebagai usaha pada memulehkan ekonomi kepada keadaan yang sediakala, maka sa-lagi itu kebanyakan negeri2 miskin di-dunia ini tidak akan dapat menjual kepada mereka hasil2 bumi, yang mana negeri2 miskin ini bergantung kepada pendapatan dari eksport hasil2 tersebut demi untuk mengelakkan ekonomi mereka daripada kehancoran. Di-samping itu pula, negeri2 miskin ini terpaksa menanggung beban harga2 barang2 impot yang melambong tinggi yang mana telah ditimbulkan oleh harga2 tenaga yang lebih mahal dan juga oleh kenaikan2 dalam harga barang2 buatan kilang yang mana pula di-sebabkan oleh kenaikan tinggi harga2 tenaga tadi.

3. Walaupun Negeri Brunei sangat bernasib baik kerana mempunyai ekonomi yang didasarkan kepada minyak dan gas, kesan2 inflasi yang dialami di-negeri2 lain di-dunia sama-sekali tidak dapat di-elakkan dalam negeri ini dan akibat-nya terdapat-lah kenaikan2 dalam harga barang2 dan perkhidmatan2 yang di-

BERIKUT ini ia-lah ucapan penoh Pegawai Kewangan Negara, Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan usul Peruntukan Perbelanjaan bagi 1976 di-Majlis Meshuarat Negeri.



Y.B. Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awg. John Lee

PERSIDANGAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI

impot dari luar negeri. Kerajaan telah bersusah payah pada meringankan beban yang di-tanggung oleh rakyat dan ka-arrah ini Kerajaan telah memberikan subsidi2 yang banyak bagi beras dan gula yang mana hal ini ada-lah bertujuan supaya harga2 jualan kepada orang ramai bagi barang2 tersebut menjadi jauh lebih murah daripada harga2 yang di-dapati di-negeri2 lain di-Asia Tenggara. Dan lagi Kerajaan telah tidak menaikkan bayaran2 yang di-kenakan bagi perkhidmatan2 dan kemudahan2 penting yang di-berikan oleh Kerajaan dan kebanyakan daripada kemudahan2 ini telah dapat di-adakan dengan bayaran2 yang kurang daripada kos. Langkah2 telah di-ambil bagi memastikan bahawa tidak akan terdapat kenaikan2 dalam harga2 runchit bagi minyak, minyak petrol, minyak gas dan lain hasil daripada bahan minyak walaupun kos mengeluarkan barang2 ini jauh meningkat naik. Di-samping itu pula rakyat dan penduduk negeri Brunei telah terus dapat menikmati apa yang sudah semesti-nya-lah satu perkhidmatan langsung yang paling rendah paras-nya di-rantau ini dan satu daripada yang paling rendah di-dunia.

4. Tidak terdapat sebarang perkembangan di-sepanjang tahun ini mengenai dengan Pembaharuan Kewangan Antara-

bangsa dan harapan2 yang banyak di-suarkan beberapa tahun yang lalu agar satu dasar sukatan akan di-temui bagi menggantikan Sterling dan Ringgit Amerika sa-bagai matawang2 simpanan maseh belum lagi tercapai. Sistem SDR, yang mana mempunyai kadar pertukaran yang didasarkan kepada satu kumpulan matawang2 telah mulai mengambil tempat dalam penggunaan antarabangsa tetapi besar kemungkinan ia-nya tidak akan dapat menggantikan £ Sterling dan Ringgit Amerika dalam urusan2 dagang antarabangsa.

5. Sejak dari dahulu lagi simpanan2 Brunei telah di-pegang dalam Sterling dan kejatuhan dalam nilai matawang tersebut telah mengakibatkan turun-nya nilai2 buku bagi pelaburan2 Brunei. Beberapa jumlah2 besar wang telah terpaksa di-hapuskan apabila £ Sterling turun nilai-nya. Bagaimana pun simpanan2 Brunei di-luar negeri ada-lah sangat besar jumlah-nya dan oleh yang demikian mudah-lah bagi negeri ini mengekalkan pariti Ringgit Brunei yang telah di-tetapkan dan dalam mengekalkan nilai sa-demikian Kerajaan telah dapat memastikan bahawa barang2 yang di-impot dari negeri2 Sterling dan Ringgit Amerika dapat di-beli oleh orang ramai dengan harga yang lebih murah daripada

apa yang akan di-dapati jika perkara ini sebalik-nya berlaku. Berikutan-nya hal ini juga telah dapat menahan kenaikan2 dalam belanja sara hidup rakyat.

6. Matawang Brunei maseh dalam keadaan yang stabil di-sepanjang tahun ini dan pariti Ringgit Brunei yang telah di-tetapkan menurut ukuran nilai emas maseh tidak berubah. Pengatoran2 saling-pertukaran dengan Singapura dengan mana masing2 negeri akan menerima matawang negeri yang lain sa-bagai wang yang biasa di-perlakukan dengan nilai yang sa-tara, dan Lembaga2 Matawang negeri masing2 akan menanggung belanja2 bagi pemulangan wang2 kertas dan duit2 siling negeri mereka sendiri, telah dapat di-kekalkan dengan memuaskan. Jumlah matawang Brunei yang pada masa ini dalam pengedaran ia-lah kurang-lebih sebanyak \$58 juta dan jumlah ini sa-chara langsung di-sokong oleh simpanan2 luar sa-banyak 100% dan dengan sa-chara tidak langsung di-sokong oleh simpanan2 sebarang laut sa-banyak lebih daripada 5,000%.

7. Apabila saya berucap dalam Majlis Meshuarat ini pada waktu yang sama di-tahun lepas, saya ada menyebutkan bahawa ada-lah menjadi hasrat Kerajaan Duli Yang Maha Mu-

★ Lihat Muka 6

Kerajaan maseh menimbangkan permohonan tanah

MENTERI Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail menegaskan bahawa Kerajaan DY MM telah dan sedang menimbangkan permohonan2 tanah yang di-buat sa-belum bulan Februari 1955.

Yang Amat Mulia bersabda permohonan2 itu di-pertimbangkan sa-chara beransor2 ia-itu pada tiap2 kali Persidangan Majlis Meshuarat Menteri2 di-adakan.

Yang Amat Mulia bersabda demikian ketika menjawab pertanyaan Y.B. Awang Haji Othman Bidin yang ingin tahu samada Kerajaan maseh menerima permohonan2 tanah dan bagaimana untuk mengatasi masalah itu.

Menteri Besar itu bersabda, oleh kerana terdapat pada masa ini lebih dari 3,000 permohonan yang di-terima sa-belum tahun 1955, maka permohonan2 ya g lain belum dapat di-pertimbangkan.

Menjawab pertanyaan Y.B. Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking mengenai kelambatan pelaksanaan permohonan pembahagian dan pemachahan tanah, Yang Amat Mulia itu bersabda, banyak perkara telah di-hadapi oleh Pejabat Tanah tentang masalah ini, terutama dalam pemecahan tanah kerana shariat2 yang di-tentukan dalam geran2 tanah ada menyebut kehendak2 yang harus di-isi dalam tanah tersebut.

Umpama-nya sabda Yang Amat Mulia, shariat2 tanah yang mesti di-tanam dengan buah2an tidak-lah boleh di-jadikan tempat perusahaan atau seumpama-nya.

Dengan sebab itu-lah, tambah Yang Amat Mulia, penelitan dan penyiasatan rapi mesti di-lakukan oleh Pejabat2 Tanah, Ukor, dan Pertanian supaya tanah2 yang di-pohonkan itu tidak akan di-salahgunakan atau di-selewangkan dari tujuan asal-nya.

Penyelidikan ini mengambil masa yang agak panjang, tetapi bagaimana pun permohonan2 itu akan dapat di-jawab jika sekiranya ia dapat memberikan butir2 akan tujuan permohonan2 itu sa-chara tepat.

4 buah sekolah Ugama di-bena utk menampung kebanjiran penuntut

PENGETUA Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin menyatakan bahawa masalah kebanjiran penuntut2 ugama akan dapat di-atas berikutan dengan terbena-nya empat buah bangunan sekolah Ugama Rendah.

Kata-nya sekolah2 itu di-bena di-Kampung Saba dan

Lorong Dalam di-Kampung Ayer; Pekan Seria dan Pekan Bangar bagi menampung penuntut2 ugama yang semakin bertambah di-kawasan2 itu.

Berucap ketika Majlis Meshuarat Negeri membincangkan peruntukan Jabatan Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat itu berkata sekolah2 yang sama juga akan di-bena di-Pekan Tutong dan Kuala Belait.

Sa-bagai tambahan, Yang Berhormat itu berkata, Jabatan-nya juga telah menubuhkan kelas bimbingan untuk saudara2 kita yang baru memeluk ugama Islam.

Kelas ini, tambah beliau, akan di-tambah dari masa kasemasa dan jumlah kelas yang di-buka sa-takat ini ia-lah 32 buah di-seluruh negeri.

Yang Berhormat itu juga menyatakan bahawa Sekolah

Menengah Arab Hassanah Bolkiah telah berjaya melahirkan penuntut2 yang berkebolehan dan tujoh orang di-antara mereka sedang melanjutkan pelajaran di-Universiti Al-Azhar di-Mesir.

Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan juga telah berjaya mengeluarkan 60 orang guru ugama yang terlatih dan perkara ini telah dapat mengurangkan beban kekurangan guru ugama.

SPLIT IN PRB LEADERSHIP

KUALA BELAIT. — Zaini Haji Ahmad, acting vice-president of the illegal Partai Rakyat Brunei has suspended his support for A.M. Azahari, the party president.

News of this fundamental split in the Partai Rakyat came in a letter from Zaini to the Borneo Bulletin. The letter was posted in Petaling Jaya, Semenanjung Malaysia.

Zaini says his decision to suspend his support for Azahari "is based on my 14 months of association with him, during which period I have progressively discovered several defects in his leadership".

He added that he no longer has any trust and confidence in Azahari but that his membership of the party is not affected.

Zaini was a founder member of

the PRB in 1956 and played a leading role in its early activities. He was detained in 1963 and remained in detention for ten years, till he escaped to Malaysia in 1973. In recent months he has been very active again in PRB affairs, in association with Azahari.

It is understood that his break with Azahari has been developing for about six months, mainly on whether or not the PRB should resort to violence. Zaini refuses to be associated with it.

Here is the full text of his letter:

"Being the only mass media through which I can reach the struggling nation of Brunei, I shall be grateful if you would publish the following statements:

Having considered the political situation in Brunei, the agitated

condition of the people and their thirst for freedom and national independence;

Recalling my association with the leadership of the party, the Partai Rakyat, since its inception in January 1956;

Mindful of the responsibility of a leader in a struggling nation, the burden of the state which he is expected to shoulder; and

The sacrifices he is expected to make (or has already made) in the national interest —

"I, Zaini Haji Ahmad, Acting Vice-President of the Partai Rakyat Brunei, wish to make it known to the general public that I have suspended my support towards Sdr. A.M. Azahari Mahmud Al-Haj as the President of the Partai Rakyat Brunei.

"This is effective from the 1st December, 1975.

"My decision to suspend the support towards Sdr. A.M. Azahari Mahmud Al-Haj is based on my 14 months of association with him, during which period I have progressively discovered several defects in his leadership.

"I shall be doing an injustice to myself, unfair to those who have placed their faith in me, disservice to my party, and failure to carry out my duty as a citizen of Brunei, to carry out the present struggle (if I continue) under the leadership of a man in whom I have no longer any trust and confidence.

"This however, does not affect my present membership of the party.

Yours faithfully,
(signed) Zaini Haji Ahmad"

Zaini's use of such phrases as "the struggling nation of Brunei", "the agitated condition of the people" and "their thirst for freedom and independence does not reflect the political reality in Brunei, which in fact is prosperous, calm and independent. The phrases are published merely as evidence that the letter is authentic.

The signature in the letter has been authenticated and the address is correct.

Zaini's action presents Azahari with a serious problem of control and could in fact lead to him losing his position in the PRB.

Zaini, who is 40 years old, is seven years younger than Azahari, and better educated (his career included study at the London School of Economics). He is also unquestionably a native of Brunei, having been born at Kampong Sumbiling, while Azahari is not a Brunei citizen.

A government spokesman said this week that this is the second time that Zaini has severed his connection with Azahari — and the first instance also arose from Zaini's dislike of violence.

At the time of the 1962 uprising Zaini and Azahari were both in Manila. When Zaini learned what has happened he broke with Azahari, who played a leading role in the revolt.

No proof has ever found that Zaini had any prior knowledge of the revolt, or that he was ever connected with the Tentera Nasional Kalimantan Utara, or TNKU, the Indonesian and communist sponsored North Kalimantan National Army.

The spokesman added that the

present split derives principally, though not entirely, from Zaini's continuing reluctance to become involved in violence.

Azahari by contrast "is a man who wishes to embark on an armed struggle as soon as possible". He has claimed that he is loyal to His Highness the Sultan and Yang Di-Pertuan, but this claims, the spokesman added is "utterly bogus".

Nor does Azahari appear to have the courage of his other convictions. He took care to be away from Brunei when his followers went into battle in 1962 — and he took with him about \$200,000 which the government had loaned him for the Light Press, his printing company.

Zaini's break with Azahari will produce various reactions among the 21 students from Sultan Omar Ali Saifuddin College who ran away to Limbang in June 1974, because they had been intimidated by PRB supporters into believing they were about to be arrested.

ILLEGAL

At least half of these students, who are now in Kuala Lumpur, regard Zaini as their mentor. "By and large they have no regard for Azahari and Yassin Affendy (another PRB leader)", the spokesman said.

Zaini has helped the students and has been responsible for them getting whatever subsistence allowance they receive.

Originally there were 22 students in the group but one of them, Moksni bin Pudun, committed suicide last August by jumping from his flat. There was difficulty over his funeral which was only solved when Zaini paid all the expenses.

Despite this, however, the present PRB movement is largely controlled by Azahari and his relatives. Other members of his family have been active in Brunei since 1973 and three are now detained at Jerudong. Prior to their arrest, two of them demonstrated "an almost unquenchable thirst for violence".

Zaini's claim to continuing membership of the PRB, made in his letter, does not alter the fact that it is an illegal organisation operating in exile, just as the communist parties of Indonesia and Malaysia, though illegal, are represented in Peking.

This has been reprinted verbatim from the Borneo Bulletin.

Police get more punch

BANDAR SERI BEGAWAN, Wednesday. — The Royal Brunei Police Force, which this year spends a record \$39 million dollars, has from January 1 undergone a major reorganisation.

The Police Commissioner, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya, said "The re-organisation is aimed at providing an attractive and efficient service to the public."

He said the force would be reformed into three divisions. These will be A Division, commanded by Assistant Commissioner Pengiran Putera Negara Pengiran Omar; B Division Commanded by Assistant Commissioner Dato Tom Swann and D Division commanded by Senior Supt Dato Max Reynolds.

Pengiran Jaya explained that A Division would control finance, administration, personnel, discipline, transport and communications.

EXPANSION

B Division will deal with basic policy, recruiting and training, mobile reserve units, port and airport security, paramilitary and public order duties, static and escort guards, emergency operations, security, women police training and other special units, ceremonial parades and all police professional examinations.

D Division will cover crime and related matters such as traffic.

The Commissioner said: "The crime side is undergoing a major expansion and we hope to have several sections in the Criminal Investigation Department.

"These will include a commercial section to deal with criminal breach of trust, cheating and corruption; a vice section to deal with gaming, drug

abuse and prostitution and a homicide section to deal with murder and all violent crimes including rape. There will also be intelligence and crime prevention and traffic sections."

The re-organisation coincides with the promotion of several senior police officers which also take effect tomorrow.

Dato Tom Swann, formerly Senior Superintendent commanding the Police Training Unit becomes Assistant Commissioner; Supt Dato Max Reynolds and Supt Bob Waggett, now head of Special Section dealing with port and airport security and the Sultan's personal guard become senior superintendents.

PROMOTIONS

Datos Ben Carvalho and Chua Kong Leng become superintendents, Dato Haji Abu Zar bin Abu Bakar become deputy superintendent, and Assistant Supt Lim Pang Kit of the signals section becomes Deputy Superintendent.

Chief Inspectors Abdul Rahman bin Haji Tudin and Mohammed Freddie Chong become Assistant Superintendents.

In addition His Highness has confirmed Assistant Commissioner Pengiran Putera Negara, Supt Abdul Rahman bin Haji Awang Besar and Deputy Supt Yakub bin Pehin Haji Zainal in their posts.

Referring to the police's new budget, which this year will be \$39 million compared with \$16 million last year, the Police Commissioner said that more than \$21 million of this has been earmarked for new building projects and equipment.

Among the building projects are C Complex at Gadong Headquarters which will house the soon to be raised C Coy of the Reserve Unit this will

give the police three Reserve Unit Companies, one in Kuala Belait and two in the capital, to undertake riot control, emergency and para-military duties.

The police will also get additional accommodation at Gadong for the headquarters staff and the guard escort unit and the marine police section is building a base at Muara.

There will also be a new police station at Kampong Ayer and police posts at Kampongs Bebuloh, Kasat, Putat, Puni, Perpindahan and Sukang.

New equipment will include more boats for the newly formed marine police unit, three armoured cars and six armoured personnel carriers for the Reserve Unit and two accident recovery vehicles.

At the moment there are only two police districts in Brunei — Brunei and Belait. The Police Commissioner said he is considering making Tutong and Bangar autonomous districts. They are now part of Brunei District.

A record \$1600 million budget It's a prosperous New Year for Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN. — Brunei, South East Asia's smallest but luckiest country is getting luckier and richer, and there seems no end in sight to its increasing prosperity.

The annual estimates, tabled at the 13th Session of the State Legislative Council by State Financial Officer, Pehin Dato John Lee showed that in 1975 Brunei earned 1291 million dollars.

Estimated earnings at the beginning of the year was eleven hundred and seventy three (1173) million and in 1976 the State expects to earn a record sixteen hundred million.


If oil prices rise, so will Brunei's earnings.

As Pehin Lee said in his Budget Speech Brunei had no difficulty in balancing its budget. Its recurrent expenditure in 1975 was four hundred and sixty two million with an additional eighty million (80 million) being voted to the development.

This year's expenditure is estimated at four hundred and ninety five million with another one hundred and thirty six million going to the development fund. This will still give the State a balance for 1976 of almost one thousand million. Not bad for a country with only 150,000 population.

It is estimated that at the end of 1976 the State's consolidated revenue fund, from which budget expenditure is voted, will have a surplus of more than three thousand million dollars.

The main earnings are taxes — nine hundred million in 1975 (eight hundred and ten million in 1976); interest and currency, one hundred and twenty eight million in 1975 (five hundred and thirty nine million this year); royalties and rents — two hundred and twenty one million (two hundred and eleven million this year); dividends and profits from local enterprises, nil in 1975 and five hundred million this year.



Above: Guest star Paul Michael and series star James Garner in a scene from the "Find Me If You Can" episode of MCA Television's The Rockford Files and below: Rupert Grosse and Don Adams star in the Requiem For A Godfather episode of The Partners.



SUSUNAN RANCANGAN MINGGU INI



TV BRUNEI reserves the right to alter programmes as necessary. Finalised telecast details will appear in our programme summaries.

SATURDAY JAN. 10TH
6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
6.05 pm Sesame Street
6.29 pm Azan
6.33 pm Sesame Street — cont'd
7.00 pm News In English
7.10 pm Dad's Army — "The Honourable Man"
7.40 pm Cannon — "Duel in the Desert"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Star Soccer
9.35 pm Saturday Movie: Universal "The Appaloosa"
11.15 pm Close Down.

SUNDAY JAN. 11TH
6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
6.05 pm Cartoon
6.18 pm Koran
6.31 pm Azan
6.35 pm Vision On — Ep. 16
7.00 pm News In English
7.10 pm Six Million Dollar Man — "One of Our Running Backs is Missing"
8.00 pm Interlude
8.05 pm Survival — "Serengeti Has Not Died"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Space 1999 — Ep. 22
9.35 pm Lord Peter Whimsey — "Clouds of Witness", Ep. 2
10.25 pm Close Down.

ROUGNECK ROCKFORD

MONDAY JAN. 12TH
6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
6.05 pm Little House On The Prairie — "The Award"
6.31 pm Azan
6.35 pm Little House On The Prairie — cont'd
7.00 pm News In English
7.10 pm The Ghost and Mrs. Muir — "There's a Seal in my Bathtub"
7.35 pm Interlude
7.40 pm Alias Smith and Jones — "Only Three to a Bed"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Hawaii Five O — "Forty Feet High and it Kills"
9.35 pm Ghost Story — "The Ghost of Potter's Field"
10.25 pm Close Down.

TUESDAY JAN. 13TH
6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
6.05 pm Cartoon
6.18 pm Koran
6.31 pm Azan
6.35 pm Boy Dominic — Ep. 10
7.00 pm News In English
7.10 pm Mission Impossible — "Squeeze Play"
8.00 pm Interlude
8.05 pm The Monkees — "Monkee A La Carte"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Kan Hal-nya
9.15 pm Barbary Coast — Ep. 3
10.05 pm The Regiment — Ep. 6
10.55 pm Close Down.

WEDNESDAY JAN. 14TH
6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
6.05 pm U.F.O. — "Sound of Silence"
6.31 pm Azan
6.35 pm U.F.O. — cont'd
7.00 pm News In English
7.10 pm The Partners — "Requiem for a Godfather"
7.40 pm New Scotland Yard
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Quiller — "Any Last Request"
9.37 pm Show Of The Week
10.40 pm Close Down.

THURSDAY JAN. 15TH
6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
6.05 pm Cartoon
6.19 pm Koran
6.31 pm Azan
6.35 pm The Flintstones
7.00 pm News In English
7.10 pm Wide World Of Sport
7.40 pm The Rockford File — "Find Me If You Can"
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Hidayat
9.15 pm The Virginian — "Strange Quest of Elaine"
10.30 pm Close Down.

FRIDAY JAN. 16TH
6.00 pm Opening, News Headlines, Programme Summary
6.05 pm Puteri Puteri No. 5 (repeat)
6.18 pm Koran
6.31 pm Azan
6.35 pm Puteri Puteri — cont'd
7.00 pm Cartoon
7.10 pm News In English
7.10 pm Simon and Garfunkel
8.00 pm Interlude
8.05 pm Something Else Show No. 10
8.30 pm Warta Berita
8.45 pm Rampai Sari Budaya No. 9
9.15 pm Mystery Movie: McCloud — "The Gang That stole Manhattan"
10.45 pm Close Down.

Hasil pendapatan bertambah

★ Dari Muka 2

lia Paduka Seri Baginda Sultan untuk mengambil bahagian dalam kegiatan2 Sharikat Pengu-luar Minyak di-Brunei. Perun-dingan2 telah di-tamatkan pada awal tahun 1975 dan ke-putusan-nya Kerajaan telah da-pat memegang sa-bahagian bes-ar saham2 Sharikat tersebut. Perundingan2 tersebut telah di-adakan dalam suasana yang harmoni, muhibbah dan per-safahaman dan ada-lah di-jamakkan bahawa hasil2-nya nanti akan dapat memimbolkan satu penguasaan yang berjaya bagi minyak dan gas asli Bru-nei untuk beberapa tahun yang akan datang. Kerajaan Brunei juga sekarang mempunyai sa-orang wakil dalam Jemaah Pene-lar2 Sharikat Minyak terse-but, dan hal ini telah me-nimbulkan kerjasama yang rap-at, yang mana telah menda-tangkan faedah kepada kedua-dua pihak Kerajaan dan Shari-kat tersebut. Penyeritaan Kera-jaan serta kenaikan harga2 mi-nyak di-pasaran dunia telah menyebabkan bertambah-nya hasil pendapatan Kerajaan yang mana perkara ini akan saya sentoh lagi kemudian nanti.

8. Sharikat Penerbangan Diraja Brunei telah dengan jaya-nya di-lancarkan dalam bulan Mei 1975, apabila kapalterbang Boeing 737 yang pertama tiba di-Brunei dan sa-buah kapalterbang yang kedua lagi telah di-peroleh dalam bulan Ogos 1975. Ada terdapat banyak tanda2 yang menunjukkan bahawa Penerbangan Diraja Brunei akan menchapai kejayaan yang chemer-lang, dan walaupun pada masa ini ia-nya di-rintang oleh kesulitan2 ka-atas hak2 pendaratan dalam ne-geri2 yang tertentu di-rantau ini, ada-lah di-perchayai bahawa kesulit-an2 ini akan dapat di-atasi dan ia-nya akan dapat meluaskan lagi kawasan gerak-nya. Sharikat ini seponoh-nya di-punyai oleh Kera-jaan Brunei.

9. Projek Gas Chechair Asli telah di-laksanakan dengan penoh kejayaan, dan jumlah kapal2 peng-angkut yang membawa gas che-chair ka-Negeri Jepun sekarang telah chupok lengkap dengan ada-nya tujuh buah kapal yang sedang dalam perkhidmatan. Perusahaan ini telah bertapak dengan seponoh-nya di-negeri ini dan ia-nya telah dapat di-jalankan tanpa mendapat sebarang perubahan daripada ramalan2 yang telah di-buat dari segi teknik dan kawangan-nya.

10. Perubahan yang hanya terda-pat dalam perchukaan di-sepan-jang tahun ini ia-lah mengenai dengan chukai keutamaan yang di-kenakan ka-atas barang2 impot daripada negeri2 Commonwealth dan chukai ini sekarang telah di-tiadakan. Hal ini perlu di-lakukan apabila United Kingdom mema-sokki Masharakat Ekonomi Eropah kerana dengan kemasokan ini maka satu chukai yang ber-beza tidak lagi dapat di-kenakan ka-atas impot2 daripada United Kingdom dengan chukai2 bagi ne-geri2 Eropah yang lain.

11. Pada tahun lalu, saya telah menjangkakan bahawa Kira2 Hasil Yang Di-Satukan akan mempunyai baki sa-banyak \$2,085 juta pada penghujung tahun 1975. Dalam hal ini, bagaimana pun, saya sukachita memaalomkan kepada Ahli2 Yang Berhormat bahawa ini telah ter-bokti sa-bagai satu anggaran yang e-derhana dan saya menjangkakan e-karang bahawa baki pada peng-hujung tahun ini sepatutnya-lah kurang lebeh sa-banyak \$2,160 juta.

12. Dalam tahun 1976 nanti saya menganggarkan bahawa Hasil Mahsul Negeri Brunei akan ber-jumlah kurang-lebeh sa-banyak \$1,600 juta. Jumlah ini, yang me-lebihi angka2 bagi tahun2 yang lalu, ada-lah pada keselurohan-nya di-sebabkan oleh harga2 minyak yang melombong naik di-seluruh dunia dan juga setakat mana Kera-jaan mengambil bahagian dalam perusaha-an minyak. Daripada jum-lah tersebut, Perbelanjaan negara ada-lah di-anggarkan sa-banyak \$496 juta dan sa-lepas menguntok-an sa-jumlah \$136 juta bagi Kum-pulan Yang Kemajuan, yang mana perkara ini akan saya sentoh ke-mudian nanti, saya menjangkakan bahawa baki keridit bagi Kira2 Hasil Yang Di-Satukan pada peng-hujung tahun 1976 nanti ia-lah kurang-lebeh sa-banyak \$3,128 juta.

13. Dengan berdasarkan keduduk-an kewangan yang memuaskan ini, maka Kerajaan tidak lah meng-hadapi sebarang masalah bagi memperimbangkan belanjawan ne-gara. Walau bagaimana pun, amal-an berijmat-chermat dan berhati-hati dalam melakukan perbelanja-an maseh perlu di-kekalkan, sebab pertama ia-lah kerana kenaikan2 harga barang2 dan kedua ia-lah kerana ada-lah keperluan bagi membuat perbelanjaan sa-chara yang berpatutan ka-atas proiek2 yang akan mendatangkan faedah kepada ekonomi negara dan yang mana juga tidak akan menimbul-kan bebanan yang berat kepada orang2 yang akan datang sa-lepas kini nanti.

14. Mengingatkan kepada hal ini maka satu Jawatankuasa yang ter-diri daripada Ahli Majlis Mesua-rat ini telah di-lantik bagi me-

mereksa keperluan2 tiap2 Jabatan dan menentukan perkara2 dan jumlah2 perbelanjaan-nya. Ang-garan2 Hasil dan Perbelanjaan sa-perti yang di-bentangkan di-atas meja sa-bagai Kertas Bil. 1 ada-lah merupakan hasil daripada usaha2 Jawatankuasa tersebut.

15. Sa-bahagian besar daripada perbelanjaan yang berulang ia-lah mengenai dengan keselamatan Ne-geri Brunei dalam bentuk perbe-lanjaan ka-atas Jabatan Pulis Di-raja Brunei, Askar Melayu Diraja Brunei dan Jabatan Keselamatan dan Perisek. Kerajaan memang menyedari bahawa keadaan2 yang aman tenteram dan harmoni yang mana sejak dahulu lagi telah ter-dapat di-dalam negeri Brunei ada-lah sangat penting bagi kesejah-teran raayat dan penduduk ne-geri dan juga bagi kemajuan negara yang terator. Oleh yang demikian Kerajaan telah berazam supaya semua orang dalam negeri ini da-pat menjalani hidup mereka sa-hari2 tanpa sebarang anchaman daripada anasir2 jahat. Ka-arrah ini pembentokan battalion kedua Askar Melayu Diraja Brunei telah hampir selesai dan pembenaan sa-buah perkhemahan di-Tutong di-mana battalion kedua ini akan di-tempatkan nanti akan di-siapkan dalam tahun 1976. Lain chadangan bagi mengukuhkan dan menabakh lagi kecheapan Pasokan2 Ke-selamatan akan di-mulakan per-laksanaan-nya pada tahun ha-dapan.

16. Sa-buah Jabatan baru yang bertanggung-jawab bagi Kesela-matan dan Perisek telah di-tuboh-kan dengan memisahkan tanggong-jawab tersebut daripada Pasokan Pulis Diraja Brunei. Jabatan Pulis Diraja Brunei telah di-perbesarkan dan kejayaan Bahagian Pulis Wa-nita telah menyebabkan bertam-bah-nya bilangan orang2 yang di-ambl berkhidmat dan pergabong-an mereka dalam Jabatan Pulis sa-chara keselurohan-nya ada-lah dengan bilangan yang sama ba-nyak-nya dengan pulis lelaki.

17. Di-samping Keselamatan, ba-gaimana pun, perhatian yang sama penting-nya hendak-lah di-berikan kepada usaha2 bagi memperlu-skan dan memperbaiki lagi per-khidmatan2 sosial, kepada usaha2 supaya mengeluarkan barang2 ma-kanan asas yang boleh di-tanam di-dalam negeri bagi keperluan2 yang menchukopi untuk negeri ini, dan juga kepada usaha2 supaya semua kanak2 dalam negeri ini bo-leh menemakiti pelajaran perchu-ma. Bagi maksud ini saya penoh yakin bahawa Ahli2 Yang Berhor-mat akan dengan sukachita ber-setuju dengan penambahan2 dalam perbelanjaan berulan-ulang bagi Jabatan Pertanian, Jabatan Pela-jarian Jabatan Perubatan dan Ja-batan Perikanan. BERSAM-BONG MINGGU DEPAN.

PELUANG BELAJAR

MEMBACHA AL-QURAN

DI-BUKA DENGAN

SELUAS2-NYA DI-NEGERI INI

PADA akhir2 ini telah di-ke-tahui ramai orang2 muda dan kanak2 sekolah yang tidak pandai membacha Al-Quran. Sunggohpun sa-takat ini belum ada angka2 rasmi mengenai jumlah mereka yang sa-demi-kan itu, namun kita perchaya jumlah mereka itu ada-lah bes-ar memandng kepada ramai di-antara orang2 muda dan kanak2 sekolah yang tiada ber-sekolah agama atau belajar mengaji Quran di-kampung2. Mereka yang sa-demikan ini dan di-tambah lagi dengan bi-langan sa-tengah2 orang de-wasa yang sedia tidak tahu dan tidak pandai membacha Al-Quran tentu-lah merupakan jumlah yang ramai dari ka-langan kita umat Islam yang ketinggalan di-dalam kemajuan serta perkembangan agama Is-lam di-negeri ini.

Tiada-lah shak lagi peri mustahak-nya pengetahuan serta kepandaian membacha Al-Quran itu bagi tiap2 orang Islam, kerana sa-bahagian bes-ar daripada bacaan yang uta-ma di-dalam sembahyang ada-lah terdiri daripada ayat2 Al-Quran saperti ayat al-fati'ah misal-nya. Sunggohpun barang kali ada orang boleh menyebut ayat al-fati'ah itu kalimat demi kalimat dengan tidak terlebeh dahulu tahu membacha Al-Quran tetapi kita perchaya ti-dak sama sempurna-nya jika di-bandingkan dengan kesem-purnaan sebutan orang2 yang pandai membacha Al-Quran. Pada hal kesempurnaan ba-chaan al-fati'ah itu menurut huruf serta terlit-nya yang te-tap ada-lah menjadi sharat uta-

KHUTBAH JUMA'AT

ma bagi kesempurnaan sem-bahyang. Ini-lah chontoh yang paling nyata mengenai peri mustahak-nya kita mengetahui dan pandai membacha Al-Qu-ran.

Di-negeri kita ini sudah se-kian lama peluang2 bagi belaj-ar membacha Al-Quran di-bukakan seluas2-nya oleh pe-hak yang berkuasa kerajaan kita, ia-itu dengan menyedia-kan guru2 untuk mengajarkan-nya melalui kelas2 dewasa Al-Quran dan kita ketahui ham-pir sa-tiap kampung kelas2 itu ada di-tubuhkan. Dari segi ke-wajipan Kerajaan pada me-njamin sa-tiap orang Islam su-paya berkesempatan belajar dan pandai membacha Al-Qu-ran, maka dengan membuka-kan peluang2 serta kemudah-an2 tersebut boleh di-katakan kerajaan telah menyempurna-kan kewajipan-nya di-sisi Al-lah. Tetapi bagaimana pula hal-nya kewajipan kita di-sisi Allah selaku orang perseorang-an dalam perkara belajar Al-Quran ini. Hal ini mustahak-lah dengan ikhlas dan jujur kita insafi terutama bagi diri kita sendiri dan bagi diri anak isteri, kaum keluarga serta orang2 yang di-dalam tang-gongan kita.

Oleh yang demikian, sesuai dengan peluang dan kemudah-an yang di-sediakan pada masa ini maka mustahak-lah kelas2 yang ada sedia di-kampung2 belajar membacha Al-Quran kita itu di-jayakan, dan kalau belum ada boleh-lah di-run-dingkan apa amat penting ia-lah kita menaruh keinsafan akan peri mustahak-nya tahu dan pandai membacha Al-Qu-ran, dan keinsafan itu hendak-lah di-turuti dengan kemahuan belajar terus menerus, supaya kewajipan kita di-sisi Allah Taala dapat di-sempurnakan sebaik2-nya dengan pengetahu-an serta kepandaian memba-bacha kitab-nya itu. Dan de-ngan itu mudah2an-lah pula sungutan2 yang biasa di-de-ngar mengenai ramai-nya di-antara kita dan anak buah kita yang tiada pandai memba-cha Al-Quran itu tidak akan hanya menjadi sungutan yang kita sendiri menyebut2-nya.

Kurangkan impot bahan2 makanan

MENTERI Besar, Yang Amat Mu-ha Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin bin Pengiran Haji Ismail mene-rangkan tentang tujuan Kerajaan Duli Yang Maha Mulia menubuh-kan Pusat Latihan Pertanian di-Sinait.

Menjawab pertanyaan Yang Ber-hormat Malai Haji Mashore bin Malai Haji Damit dalam Persi-dangan Majlis Mesrhurat Negeri, yang ingin tahu apakah tujuan Kerajaan mengadakan pusat terse-but, Yang Amat Mulia bersabda bahawa Pusat Pertanian itu di-ada-kan bertujuan untuk melatoh anak2 tempatan yang berminat dalam bidang pertanian dengan men-berikan latihan teknikal dan pe-ngetahuan chara2 baru menurut sistem pertanian moden.

Menjawab satu lagi pertanyaan yang di-kemukakan oleh Y.B. Dato Paduka Haji Othman bin Bidin, Yang Amat Mulia menekan-

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 7hb. Januari, 1976 hingga ka-hari Selasa 13hb. Januari, 1976 ada-lah saperti di-bawah ini:-

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
7hb. Jan.	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31	
8hb. Jan.	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31	
9hb. Jan.	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31	
10hb. Jan.	12-33	3-52	6-29	7-42	4-59	5-14	6-31	
11hb. Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33	
12hb. Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33	
13hb. Jan.	12-35	3-55	6-31	7-43	5-01	5-16	6-33	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

RANCANGAN MINGGUAN RADIO

BAHAGIAN MELAYU

RABU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Rancangan; 6.05—Bachan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10—Hiboran Sambil Sarapan; 7.30—Bunga Rampai Rumah tangga; 8.00—Dendang Antarabangsa; 9.00—Sains dan Industri (Perusahaan) (SU); 9.30—Dendang Muda Mudi; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Selangan Irama; 10.30—Permintaan Hari Rabu; 11.00—Penglipor Lara; 11.15—Lagu Untuk Mu (SU); 11.45—Lima Belas Minit dengan Lagu Hindustan. TENGAH HARI: 12.00—Untuk Kaum Tani (SU); 12.30—Komintang Minggu Ini (SU); 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Pelajar Di-Bumi Bertuah (SU); 1.30—Hiboran Rampaian Tengah Hari; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Tanda Siaran dan Susunan Rancangan; 5.02—Hiboran Petang; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Tafsir Al-Quran; 6.15—Irama Senja; 6.30—Suara Azan untuk Magrib/ Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Permintaan Parajurit; 7.30—Warkah dari Pendengar; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Berita2 dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Belia Zaman Ini; 9.00—Asli-rama; 9.30—Senandung Malam; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya Berita — Sabda Junjongan; 10.10—Tidor-lah Awda; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

KHAMIS

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Rancangan; 6.05—Bachan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10—Pilehan Sambil Sarapan; 7.30—Penglipor Lara; 7.45—Persembahan Anika Instrumental; 8.00—Dendang Antarabangsa; 9.00—Chitra-irama; 9.30—Alunan Semudera; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Dendang Ria; 10.30—Rampaian London; 11.00—Berdendang Dengan-Ku; 11.30—Kisah dan Tauladan. TENGAH HARI: 12.30—Rampaian Pop; 12.15—Belia Zaman Ini (SU); 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Kugemalanika (SU); 1.30—Menjelang Rehat; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Tanda Siaran dan Susunan Rancangan; 5.02—Irama Gambus (Hiboran); 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00—Rampaian Senja; 6.30—Suara Azan untuk Magrib/ Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Taman Asohan Islam/ Untuk Kanak2; 7.30—Kemuskilan Ugama/ Dari Rakaman Kami; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Berita dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Sandiwara Radio (SU); 9.00—Warkah dari Pendengar (SU); 9.30—Ku Sembahkan Lagu; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya Berita Sabda Junjongan; 10.10—Senandung Malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

JUMAAT

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.02—Susunan Rancangan; 6.05—Bachan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10—Senandung Pagi; 7.30—Renchana Sa-pintas Lalu; 8.00—Taman Asohan/ Untuk Kanak2; 8.30—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 9.00—Permintaan dari Pancharagam; 9.30—Tafsir Al-Quran; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Soalan Di-Udara/ Apa Pendapat Awda; 10.30—Kemuskilan Ugama/ Dari Rakaman Kami; 11.00—Kursus Al-Quran; 11.30—Irama Gambus. TENGAH HARI: 12.00—Tahu-kah Awda?; 12.30—Menunaikan sembahyang Fardzu Jumaat siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin. PETANG: 1.15—Irama Padang Pasir; 1.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45—Irama Selangan; 2.00—Susunan Rancangan; 2.02—Hutan Belantara (SU); 2.30—Senandung Ria; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10—Dalam Simpanan Kami (Purbawara); 3.45—Lagu dan Senikata/ Anika Instrumental; 4.15—Kisah dan Tauladan (SU); 4.45—Senandung Irama; 5.00—Susunan Rancangan; 5.02—Permintaan Jiran Tetangga; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Hiboran Senja; 6.15—Lagu2 Padang Pasir; 6.30—Suara Azan untuk Magrib/ Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Persembahan Pancharagam (SU); 7.30—Cherpen dan Salokan-nya; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Berita dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Keluarga-Jaya (SU); 9.00—Puspita (SU); 9.30—Irama Malam; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya Berita — Sabda Junjongan; 10.10—Tidor-lah Intan; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

SABTU

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara — Susunan Rancangan; 6.02—Bachan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10—Pilehan Sambil Sarapan; 7.30—Soalan Di-Udara/ Apa Pendapat Awda; 7.45—Persembahan Instrumental; 8.00—Apa Pilehan Awda (SU); 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.00—Dendang Sa-irama; 9.30—Bunga Rampai Rumah tangga; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Irama Pilehan; 10.30—Permintaan Pagi Sabtu; 11.00—Pentas Radio (SU); 11.30—Ragam Irama. TENGAH HARI: 12.00—Peristiwa Dunia Minggu ini; 12.30—Santingan Asli; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Tahu-kah Awda?; 1.30—Men-



Dalam rancangan hiboran 'Apa Pilehan Awda', kita akan dapat mengikuti lagu2 pilehan Awg. Rani bin Daud No. 11. Kampong Angger Desa, Berakas, Brunei. Rancangan ini akan disiarkan melalui Radio Brunei pada hari Isnin 7hb. Januari 1976 jam 5.03 petang.

jelang Rehat; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Susunan Rancangan; 5.02—Hiboran Pilehan; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Lagu2 Lama; 6.15—Irama Padang Pasir; 6.30—Suara Azan untuk Magrib/ Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Gurindam Jiwa; 7.30—Senandung Irama; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Berita dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Renchana Sa-pintas Lalu (SU); 9.00—Muzika Tanah Ayer; 9.30—Rampaian Malam; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya Berita — Sabda Junjongan; 10.10—Irama Malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

AHAD

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Rancangan; 6.05—Bachan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10—Hiboran Sambil Sarapan; 7.30—Puspita; 8.00—Majalah Radio; 8.30—Hiboran Pilehan; 9.00—Keluarga Si-Awang; 9.30—Hutan Belantara; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10—Surat dari London; 10.15—Irama Selangan; 10.30—Arena Wanita; 11.00—Permintaan Antarabangsa. TENGAH HARI: 12.00—Sandiwara Radio; 12.30—Rampaian Tengah Hari; 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Persembahan Pancharagam; 1.30—Cheramah Minggu Ini; 2.00—Pentas Radio; 2.30—Senandung Ria; 3.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.15—Dalam Simpanan Kami (Purbawara); 3.45—Persembahan-ku; 4.00—Cherpen dan Salokan-nya; 4.30—Lagu Untuk Mu; 5.00—Susunan Rancangan; 5.03—Sharahan Ugama; 5.15—Anika Irama; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Irama Di-Senja; 6.15—Persembahan Instrumental; 6.30—Suara Azan untuk Magrib — dan di-ikuti dengan Bachan Al-Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM:

BAHAGIAN INGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement — Lunch Music; NOON: 12.00—Melody Time (Repeat); PM: 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — 8 O'clock Special from Vivien Cheong; 8.30—Dateline London; 9.00—Interlude; 9.15—News; 9.30—France Applauds; 10.00—Oldtime Melodies presented Charan Chand; 10.30—Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement — Thursday Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express. NOON: 12.00—Stereo Pop Special: "Robin Trower" Side 1 (Repeat). PM: 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — The Yong Sound with Tajul Ahmad; 8.30—Dad's Army; 9.00—Interlude; 9.15—News; 9.30—International Call; 10.00—Voices In Harmony; 10.30—Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement — Sports Magazine; 11.25—Tajul Ahmad Calling On You. PM: 12.15—International Money Programme; 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Thirty-Minute Theatre; 8.30—Break For Music; 8.45—Just A Minute; 9.15—News; 9.30—BBC World Report; 9.45—Frank Chakfield In Lime-light; 10.15—A Date with; 10.30—Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement — Sing It

7.00—Suara Perajurit; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15—Berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Brunei Darussalam; 9.00—Persembahan Gambus; 9.30—Selangkar Madah; 9.45—Irama Malam; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya Berita — Sabda Junjongan; 10.10—Tidor-lah Sayang; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

ISNIN

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.03—Susunan Rancangan; 6.05—Bachan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10—Hiboran Sambil Sarapan; 7.30—Peristiwa Dunia Minggu Ini (SU); 8.00—Dendang Antarabangsa; 9.00—Suara Perajurit (SU); 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Hiboran; 10.30—Sains dan Industri; 11.00—Lagu dan Senikata (SU)/ Anika Instrumental; 11.30—Gurindam Jiwa (SU). TENGAH HARI: 12.00—Hiboran Untuk Awda; 12.15—Brunei Darussalam (SU); 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Keluarga Jaya; 1.30—Menjelang Rehat; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Tanda Waktu dan Susunan Rancangan; 5.02—Apa Pilehan Awda; 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Senandung Lagu Lama; 6.16—Hiboran Rampaian; 6.35—Suara Azan untuk Magrib dan Bachan Al-Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Arena Sokan; 7.30—Keluarga Si-Awang (SU); 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Komintang Minggu Ini; 8.45—Serbanika Persembahan; 9.15—Meninjau Sambil Lagu; 9.45—Hidangan Pop; 10.10—Tanda Waktu dan Rengkasannya Berita — Sabda Junjongan; 10.10—Senandung Malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

SELASA

PAGI: 6.00—Allah Selamatkan Sultan dan Negara; 6.01—Susunan Rancangan; 6.05—Bachan Al-Quran dan Makna-nya; 6.30—Madah dan Lagu; 6.50—Bingkisan Hari Ini; 7.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Sabda Junjongan; 7.10—Hiboran Sambil Sarapan; 7.30—Sharahan Ugama (SU); 7.45—Persembahan Instrumental; 8.00—Arena Wanita (SU); 8.30—Dendang Antarabangsa; 9.00—Rampaian London; 9.30—Hiboran Kita; 10.00—Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15—Irama Pilehan; 10.30—Serbanika Persembahan (SU); 11.00—Puspa Ragam; 11.30—Majalah Radio (SU). TENGAH HARI: 12.00—Rampaian Tengah Hari; 12.15—Cheramah Minggu Ini (SU); 12.45—Tanda Waktu dan Warta Berita. PETANG: 1.00—Pelajaran Dewasa Di-Udara; 1.30—Hiboran Menjelang Rehat; 2.00—Siaran berhenti rehat. 5.00—Tanda Waktu dan Susunan Rancangan; 5.02—Arena Sokan (SU); 5.30—Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45—Hiboran Rampaian; 6.15—Lagu2 Instrumental; 6.35—Suara Azan untuk Magrib/ Quran; 6.50—Bingkisan Hari Ini. MALAM: 7.00—Hiboran Album Lama; 7.30—Untuk Kaum Tani; 8.00—Tanda Waktu dan Warta Berita — Berita2 dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30—Pelajar Di-Bumi Bertuah; 9.00—Untuk Pulis Diraja; 9.30—Kugemalanika; 10.00—Tanda Waktu dan Rengkasannya Berita — Sabda Junjongan; 10.10—Irama Malam; 10.23—Do'a Restu; 10.30—Selamat Berpisah.

SUNDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Sunday Musical Potpourri; 7.45—UNESCO Titbits followed by Musical Potpourri; 8.10—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement — Women's World by Vivien Cheong; 11.30—Top of The Pops (Repeat). PM: 12.15—Perspective; 12.30—News; 12.45—Light Music from The Netherlands; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Just For Variety presented by Vivien Cheong; 8.30—Showtime; 9.00—Interlude; 9.15—News; 9.30—Concert Hour; 10.30—Close Down.

MONDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement — Music-go Rounds... an uninterrupted programme of music played for your listening pleasure. NOON: 12.00—Dad's Army (Repeat); 12.30—News; 12.45—Interlude; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Monday's Night Mail presented by Hajjah Zainah; 8.45—One World For All; 9.15—News; 9.30—Down Under; 9.45—Interlude; 10.00—Country Meets Folk; 10.30—Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58—Opening Announcement; 7.00—News (BBCWS Relay); 7.10—Local News; 7.15—Breakfast Session; 8.15—Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30—Close Down. 11.00—Opening Announcement — Housewives Special. NOON: 12.00—Science Journal. PM: 12.15—Interlude; 12.30—News; 12.45—Take It Easy; 1.00—Close Down. 8.00—Opening Announcement — Jazz Club; 8.30—Stereo Pop Special: "Man" Side 1; 9.00—Interlude; 9.15—News; 9.30—Checkpoint; 10.00—Hits In Germany; 10.30—Close Down.

Uchapan tahun baru

★ Dari Muka 1

Iam ucapan tahun baru-nya telah menyembahkan salam muhibbah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddin dan Kerabat2 Diraja.

Beliau bagi pehak kaum British juga telah mengucapkan selamat tahun baru kepada seluruh rakyat negeri ini dan berharap semoga rakyat negeri ini akan beroleh kejayaan dan hidup dalam keadaan aman dan tenteram.

Tuan Yang Terutama itu berasa bangga kerana persefahaman dan budi baik yang di-berikan oleh rakyat negeri ini kepada beliau sejak berada di-negeri ini.



Raja Isteri dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Dayang Margaret Foo, dari Bandar Seri Begawan, mendapat pelajaran di-Sekolah Menengah Chung Hwa, St. Andrews, Sa-belum berkhidmat dengan Diraja Brunei, beliau telah berkhidmat sa-lama sa-tahun dengan Tractors Malaysia Berhad dan sa-lama dua tahun dengan Sharikat Borneo.

Mereka itu ia-lah Dayang Tan Mui Lan, Dayang Margaret Foo, Dayangku Mahani binte Pengiran Tajuddin dan Dayang Asmah binte Moktar dan mereka itu nampak-lah telah menunjukkan kechemerlangan di-Christchurch di-mana mereka mengikuti satu kursus la-terhan di-perbadanan Sharika Penerbangan New Zealand. Salah sa-orang bangsa New Zealand di-Singapura baru2 ini berkata bahawa mereka telah menarek minat-nya dan menjadikannya sa-orang peminat Diraja Brunei dan berharap akan dapat menaiki kapal-terbang sharikat itu.

Dayang Tan, berasal dari Seria, mendapat pelajaran di-Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah St. James dan Sekolah St. Margaret. Beliau telah bekerja dengan Chartered Bank sa-belum berkhidmat dengan Diraja Brunei.

Dayangku Mahani, juga berasal dari Seria, walaupun beliau lahir di-Tutong, mendapat di-kan di-Sekolah Melayu Muhammad Alam, St. Margaret dan Maktab Anthony Abell, Seria.

Dayang Asmah ia-lah bekas penuntut Sekolah Tinggi Perempuan

tinggal mereka serta bagi kanak2 yang mencapai umur 12 tahun ada-lah juga di-kehendaki memohon seperti biasa.

Mereka ada-lah di-kehendaki membawa bersama dua keping gambar untuk Kad Pengenalan dan surat2 keterangan.

Sementara itu kepada pemegang2 Kad Pengenalan yang belum lagi membaharui Kad Pengenalan mereka yang giliran-nya sudah berlalu ada-lah di-nasehatkan supaya memohon dengan seberapa segera.

KERJA2 pembenaan rumah pangsa untuk pegawai2 kanan Kerajaan di-Jalan Berakas berjalan lancar. Kira2 40 peratus kerja2 dalam perengkat pertama projek, yang mengandongi 10 buah blok rumah pangsa kelas B, telah siap dan ia-nya di-jadualkan siap akhir tahun ini. Projek itu menelan belanja \$5.2 juta (gambar atas).

Kerja2 perengkat kedua bagi 10 buah lagi blok untuk kelas B baru di-mulakan. Projek yang menelan belanja \$4.7 juta itu di-jangka siap tahun depan, sementara itu projek untuk perengkat ketiga akan bermula bulan depan. Ia-nya akan mengandongi 5 blok kelas C dan menelan belanja \$3.4 juta.

Di-tutup

BANDAR SERI BEGAWAN. — Aquarium Hassanah Bolkiah di-sini di-tutup sa-lama tiga minggu mulai hari Isnin lalu.

Penutupan itu di-buat untuk membolehkan kerja2 pemeliharaan di-jalankan ka-atas ruang pameran.

Masa depan Brunei cherah

★ Dari Muka 1

nya. Perbelanjaan berulangnya dalam tahun 1975 ia-lah sa-banyak \$462 juta sa-lain dari peruntukan tambahan sa-banyak \$80 juta bagi pembangunan.

Peruntukan tahun ini di-anggarkan sa-banyak \$495 juta sa-lain dari \$136 juta yang akan di-gunakan bagi tabung pem-

bangunan. Ini bermakna bahawa Brunei masih mempunyai baki sa-banyak hampir2 \$1,000 juta bagi tahun 1976. Ia-nya merupakan satu kedudukan yang baik bagi sa-buah negara yang hanya mempunyai penduduk sa-ramai 150,000 orang.

Ada-lah di-anggarkan bahawa di-akhir tahun 1976 kumpolan wang hasil yang di-satukan bagi negeri ini, darimana perbelanjaan belanjawan diperuntukan, akan berlembahan sa-banyak \$3,000 juta.

Hasil utama pendapatan negara ia-lah cukai, sa-banyak \$900 juta dalam tahun 1975 (\$810 juta bagi tahun 1976); faedah dan matawang sa-banyak \$128 juta dalam tahun 1975 (\$539 juta bagi 1976); royalti dan sewa, sa-banyak \$221 juta dalam tahun 1975 (\$211 juta dalam tahun 1976); dividen dan keuntungan dari perusahaan tempatan, tidak ada dalam tahun 1975, tetapi di-anggarkan sa-banyak \$500 juta akan di-dapati dalam tahun ini.

12 di-terima ikuti kursus

KUALA B9LAIT. — Sa-ramai 12 orang penuntut termasuk dua orang perempuan telah di-pilih untuk mengikuti kursus juruteknik talikom di-Sekolah Kejuruteraan Jefri Bolkiah di-sini.

Mereka itu telah di-pilih dari 144 orang calon yang memohon untuk mengikuti kursus tersebut. Chalun2 itu telah di-temuduga pada 6hb. Disember yang lalu.

Buku Ranchangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa telah mencetak Buku Ranchangan Pelajaran Dewasa bagi tahun 1976.

Buku Ranchangan itu mengandongi berbagai2 aspek ranchangan pelajaran dewasa untuk sepanjang tahun ini. Pelajaran2 itu termasuk-lah pelajaran rendah dan menengah, urusan rumahtangga, mata pelajaran perdagangan, talikom, seni foto, musik, lukisan dan pelajaran2 bahasa seperti bahasa Melayu, Inggeris, China Perancis, Jerman, Jepun, Hindi dan Arab.

Bagi tujuan itu, Jabatan Pelajaran juga telah menyediakan lebih dari 100 buah pusat pelajaran dewasa di-seluruh negeri.

Sebelas dari penuntut itu akan mengikuti kursus A dan sa-orang bagi mengikuti kursus B.

Mereka yang terpilih untuk mengikuti kursus A ia-lah Jamili bin Haji Abas, Jamil bin Yusof, Ahmad bin Hashim, Ampuan Haji Hamzah bin Ampuan Haji Damit, Muhaimin bin Haji Mohiddin, Yapp Pau Chin, Salbiana @ Syivia binte Momin, Rohaini binte Haji Hamid, Yahya bin Haji Sulaiman @ Yasman, Abd. Razak bin Haji Lampong dan Hamdan bin Mohiddin.

Omar bin Maksin akan mengikuti kursus B.

Mereka ini ada-lah pengambil yang ke-empat untuk mengikuti kursus sa-rupa itu dan telah di-mulakan pada hari Isnin lalu.

Di-undang

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Olahraga Amator Negeri Brunei telah di-undang oleh Persekutuan Olahraga Amator Antarabangsa untuk mengikuti kursus Pentadbiran Sokan dan Jurulatih.

Kursus sa-lama dua minggu akan di-adakan di-New Delhi, India dan akan di-hadiri oleh ahli2 persatuan sokan di-Asia Tenggara.

Membaharui Kad Pengenalan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemegang2 Kad Pengenalan Biru yang bernombor dari 047301 hingga 050000 dan Kad Pengenalan Merah yang bernombor dari 095301 hingga 097500 ada-lah di-kehendaki menggantikan Kad Pengenalan mereka mulai 1hb. Januari hingga 31hb. Januari ini di-Pusat2 Pendaftaran yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka.

Bagi pemegang2 Kad Pengenalan Hijau yang berkhidmat dengan Kerajaan dan yang sudah berakhir kebenaran

KENYATAAN PEGAWAI PENGUASA WARITH

SURAT KUASA PESAKA

No. 51/1975.

Bahawa permohonan kepada Mahkamah ini telah di-perbuat oleh Tan Siu Yan kerana minta Surat Kuasa kepada harta pesaka yang di-punyai oleh Ang Ching Say @ Ang Choy Sey yang telah meninggal dunia di-dalam Negeri Brunei dengan sebab ia-itu si-pemohon ia-lah Balu kepada si-mati.

Oleh itu kenyataan di-beri bahawa permohonan ini akan di-degarkan di-dalam Mahkamah Kuala Belait pada 10hb. haribulan Januari, 1975 jam 9.30 pagi.

Orang2 yang berhak di-dalam harta pesaka si-mati itu di-kehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di-atas.

Sa-siapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu boleh-lah menghantar surat bantahan kepada Mahkamah Pegawai Penguasa Warith, Kuala Belait sebelum tarikh yang tersebut di-atas.

Bertarikh 20 haribulan Disember, 1975.

AWG. HAJI MOHD. ALI BIN HAJI MOHD. DAUD.
Tim. Pegawai Penguasa Warith, Negeri Brunei.